

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Kargo Marin anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh: dd.mm.yyyy

1

Apakah itu insurans Kargo Marin?

Polisi insurans Kargo Marin melindungi kerugian atau kerosakan barangan yang dihantar melalui semua jenis pengangkutan (air, udara, darat dan kereta api), dari titik asal gudang ke titik destinasi gudang, termasuk perlindungan semasa di tempat simpanan sampingan. Terdapat 3 jenis perlindungan berdasarkan Klausula Kargo Institut ("Institute Cargo Clauses" atau "ICC"):

- (1) Institute Cargo Clauses (A) 1.1.82 (perlindungan adalah berdasarkan "Semua Risiko" (*All Risk*) dan merupakan perlindungan yang paling komprehensif),
- (2) Institute Cargo Clauses (B) 1.1.82 (perlindungan adalah untuk risiko yang dinamakan sahaja dan lebih terhad daripada yang di atas), atau
- (3) Institute Cargo Clauses (C) 1.1.82 (perlindungan adalah untuk risiko yang dinamakan terhad sahaja dan merupakan perlindungan yang paling terhad).

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM150.00 setiap penghantaran, anda akan menerima perlindungan berikut di bawah ICC (A) 1.1.82:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
Perlindungan Semua Risiko bagi kerugian atau kerosakan barangan yang dihantar melalui semua jenis pengangkutan (air, udara, darat dan kereta api), kecuali mana-mana yang dikecualikan secara nyata di bawah polisi.	Kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada: • Salah laku yang disengajakan oleh pemegang polisi • Kebocoran biasa, kehilangan berat, isipadu, haus dan lusuh • Kekurangan atau ketidaksesuaian pembungkusan • Sifat semulajadi kargo • Kelewatan • Insolvensi atau kemungkiran kewangan pemilik, pengurus, penyewa atau pengendali kapal • Ketidakesuaian kapal untuk berlayar • Perang dan mogok • Keganasan
Dengan bayaran premium tambahan, anda boleh melanjutkan polisi ini untuk melindungi Perang, Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam, tertakluk sentiasa kepada Klausula Institut Perang (Kargo) ("Institute War Clauses (Cargo)" 1.1.82 dan Klausula Institut Mogok (Kargo) "Institute Strikes Clauses (Cargo)" 1.1.82	
Tempoh perlindungan bermula dari masa barangan dibawa keluar dari gudang di pelabuhan pemunggaan sehingga tiba di gudang destinasi yang dinyatakan dalam polisi atau enam puluh (60) hari selepas barangan dipunggah sepenuhnya dari kapal di pelabuhan terakhir, mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.	
Polisi Kargo Marin akan dikeluarkan untuk setiap penghantaran yang perlu dilindungi.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Kargo Marin, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di

allianz.com.my/marine-cargo-insurance



Emel kami di

customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis barangan & pembungkusan, nilai penghantaran, pelayaran & pengangkutan dan perlindungan yang diperlukan.	
Untuk tujuan ilustrasi, andaikan jumlah yang diinsuranskan adalah RM100,000.00 dan perlindungan yang diambil adalah berdasarkan bahagian yang berikut: Risiko marin ICC (A) 0.15 %, berserta perlindungan tambahan bagi Perang dan Mogok 0.05% dan perlindungan lanjutan lain 0.05 %, jumlah kadar premium adalah 0.25 % atas jumlah yang diinsuranskan, dan anda mesti membayar premium: sebanyak	
Perlindungan Asas	RM 150.00
Perlindungan Tambahan:	
• Perang dan Mogok	RM50.00
• Perlindungan lanjutan lain	RM50.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah	RM250.00 (setiap penghantaran)
Di mana ini termasuk:	
Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	15% daripada premium atau RM 37.50
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM 20.00
Note: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Jumlah Diinsuranskan adalah Nilai Invois berserta kenaikan yang dibenarkan sebanyak 10%. Asas penilaian adalah kos asas barangan berserta perbelanjaan dan kos sampingan penghantaran, kos pengangkutan di mana anda bertanggungjawab ke atasnya, caj insurans dan kenaikan 10%. Biasanya, import adalah FOB/CNF berserta 10%; untuk eksport, CIF berserta 10%; untuk transit dalam negeri tempatan, nilai Invois sahaja.
- Lebihan adalah amaun yang anda perlu tanggung sekiranya berlaku tuntutan.
- Premium perlu dibayar terlebih dahulu sebelum perlindungan di bawah polisi bermula.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Pembatalan secara amnya tidak dibenarkan setelah perlindungan telah bermula dan tertakluk kepada terma-terma perlindungan ICC yang berkuatkuasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.